

# Sastera jana industri kreatif

Oleh DR. LIM SWEE TIN

Bahagian akhir



**K**ITA memerlukan alternatif yang lain, satu pilihan yang baharu, iaitu teks sastera yang merentas kurikulum kalau kita benar-benar

mahu karya sastera kita kekal punyai nilainya. Namun, harus diingat, nilai karya sastera kita bukan sahaja secara kuantiti atau bersifat materialnya sahaja, ia ada nilai tersirat yang bersifat dalam juga. Novel boleh dicipta, dicetak dan dipasarkan. Ia menjana industri kreatif negara yang besar apabila membawa pulangan kewangan yang tinggi. Pengarang boleh menjadikan lapangan ini kerjaya dalam kehidupan. Kejayaan novel *Ombak Rindu* di pasaran kerap kali dijadikan contoh. Kejayaan Achdiat Akasah menjadikan penulisan kerjayanya dengan pulangan yang baik sesuatu yang membanggakan semua. Demikian, sekadar contoh yang lain, Ramlee Awang Murshid, penulis novel *thriller* tersohor Malaysia seharusnya menjadi pencetus semangat yang tinggi.

Ketika dua negara Timur, Korea Selatan dan Jepun saling mempamerkan kelebihan diri, K-Pop tampaknya berpengaruh di seluruh dunia dan menindih banyak industri muzik yang lain. Kegilaan kepada PSY dan tarian kudanya kelihatan sekali Jepun terkalahkan. Akan tetapi, karya-karya Haruki Murakami diam-diam menerobos masuk ke kesusasteraan dunia dengan penuh bergaya. Dunia membuka mata semula kepada pengarang dan karya Jepun yang luar biasa.

Sesuatu perlu segera dilakukan kepada bakat besar pengarang seperti Ramlee Awang Murshid. Karyanya wajar cepat diterjemahkan untuk tatapan pembaca antarabangsa. Hasil kerjanya amat berpotensi kalau dipindahkan ke komik, animasi, drama bersiri, filem dan lain-lain. Ketekunan dan

kerajinan beliau berkarya seharusnya menjadi sumber inspirasi, jauh lebih berimpak daripada kejayaan sejumlah besar bintang realiti di dunia hiburan. Kekuatan karya beliau serta pengaruh pembacaan yang diciptanya luar biasa.

Apakah pelajar sekolah melihat potensi ini? Apakah guru-guru sastera mereka pernah membawa kisah ini di bilik-bilik darjah? Apakah Pengetua sekolah percaya akan peluang yang terserlah ini? Apakah ibu bapa juga boleh memberi sedikit keyakinan dan pengharapan bahawa bidang penulisan boleh menjamin masa depan anak-anaknya? Apakah Bahagian Perkembangan Kurikulum di KPM sudah mula boleh melihat perlunya dilakukan rombakan besar-besaran kepada sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah?

Mata pelajaran Seni Lukis di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di sekolah yang dahulunya sudah kurang sambutan, khabarnya menjadi popular apabila ia dijenamakan semula sebagai Seni

Visual. Ada soalan bertanya, mungkin nama Kesusasteraan Melayu juga perlu dijenamakan semula? Saya bersifat terbuka, kalau dengan menjenamakan semula dan mendapat kepercayaan banyak kalangan apakah salahnya?

Banyak institusi pengajian tinggi di Malaysia sekarang yang bertolak dari asas seni visual di sekolah. Namun, pada waktu yang sama, banyak pula pengajian berasaskan sastera yang ditutup khususnya di IPTA. Perkembangan dalam industri kreatif seperti perfileman, drama, animasi dengan segala bentuk ilmu baharu seumpama CGI mendorong kepada minat yang luas terbuka.



RAMLEE AWANG MURSHID

Kesusasteraan seharusnya seiring. Selain mengisikan aspirasi bangsa yang mendalam dan sumbangan dalam bentuk penghayatan atau estetik yang tinggi, karya sastera kalau dilihat secara positif amatlah luas peluang yang disediakan. *Hikayat Merong Mahawangsa* adalah klasik Melayu yang diangkat ke filem oleh KRU Film dan mencapai kutipan panggung RM 6.7 juta, *Ombak Rindu* RM 10.6 juta,

seharusnya membuka mata banyak pihak bahawa dengan ilmu yang kukuh, keupayaan meneroka potensi yang luas terbuka, karya sastera boleh dibawa jauh.

*Hikayat Hang Tuah* sejak diterjemahkan ke bahasa asing dan diterbitkan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) telah menerjah masuk ke arena antarabangsa. ITBM juga menterjemah sekian banyak judul

lagi ke bahasa asing seumpama bahasa Inggeris, Jerman, Perancis, Sepanyol dan lain-lain. Apakah kita mahu menunggu karya-karya besar kita ini diangkat orang luar terlebih dahulu ke medium filem seumpama *Da Vinci Code* dan *Life of Pi*, sebagai misalannya, baru kita hendak tergopoh-gapah merebut peluang yang serupa?

Sastera Melayu dalam banyak hal masih banyak yang belum dapat dirungkai isinya. Kita sedari ada pemikiran pujangga kita yang sangat luar biasa. Estetik karya sastera kita tinggi. Bahasa dalam karya-karya sastera mendalam. Ketika banyak pihak mengeluh tahap penguasaan bahasa Melayu rakyat kita rendah, pembacaan karya sastera seharusnya diperkasakan.

Saya mengutip beberapa contoh. Kata lihat dalam bahasa Melayu punyai puluhan rangkaiannya yang lain, yang menggunakan indera yang sama, akan tetapi berlainan gerak laku serta tujuannya, contohnya tengok, pandang, renung, tenung, tatap, intip, intai, lirik, tonton, saksi, dan sebagainya lagi. Ilmu bahasa di bilik-bilik darjah atau kuliah memberi penerangan tentangnya. Ilmu sastera termasuk melalui teks memperincikan penggunaannya. Kehidupan nyata menjadi ruang untuk memaknakaninya.

Sayang sekali apabila kita melihat karya sastera hanya sebagai hasil imaginasi liar para pengarang yang tidak bertunjang. Kita cenderung memandang fizikal atau secara mata kasar bukan sebaliknya.

■ Penulis adalah pensyarah Kesusasteraan Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.